

Talian Maklumat @

Diselaraskan oleh Mazmin Mat Akhir & Md Nizam Azid



SpringerLink

Springer Online Collections

Pengguna perpustakaan kini boleh mengakses teks penuh koleksi jurnal dan buku terbitan Springer Verlag secara atas talian. Koleksi ini merupakan antara perolehan terkini perpustakaan dan mula ditawarkan kepada para pengguna semenjak Oktober 2006. Kandungan Springer Online Collections meliputi bidang perkara reka bentuk, seni reka, kesenian, sains tingkahlaku, bio-perubatan, sains hayat, perniagaan, ekonomi, kimia, sains bahan, sains komputer, bumi, alam sekitar, kejuruteraan, kemanusiaan, sains sosial, undang-undang, matematik, statistik, perubatan, fizik dan astronomi. Koleksi elektronik ini boleh diakses melalui laman e-Resources perpustakaan.

Koleksi Arkib Atas Talian Menambah Nilai Kepada Para Penyelidik

Koleksi arkib Science Direct dan Springer Online Journal Archive (OJA) kini berada dalam koleksi e-Resources Perpustakaan UniMAP. Melalui Springer OJA, pengguna berpeluang mengakses sejumlah 1.8 juta teks penuh daripada 800 judul jurnal yang diterbitkan oleh Springer Verlag, bermula dengan isu pertama. Jurnal kejuruteraan dan teknologi yang dicapai oleh para pengguna melalui pangkalan data Science Direct hanya terhad kepada terbitan bagi tahun 1996 dan ke atas sahaja. Sekiranya anda cuba memuat turun teks penuh bagi artikel terbitan tahun 1995 dan sebelumnya, Science Direct memohon maklumat kata nama dan kata laluan. Masalah capaian ini dikurangkan dengan perolehan Elsevier Backfiles on Science Direct bagi bidang kejuruteraan dan teknologi. Nikmati capaian kepada jutaan teks penuh daripada 164 jurnal yang diterbitkan seawal tahun 1826. Judul-judul jurnal berimpak tinggi yang terdapat dalam koleksi ini meliputi *International Journal of Heat and Mass Transfer*, *Journal of Mechanics and Physics of Solids*, *Automatica*, *Computer Method in Applied Mechanics and Engineering*, *Wear* dan *International Journal of Solids and Structures*.

Ebscohost Academic Search Premier

Perpustakaan UniMAP memulakan langkah memperluaskan sumber elektronik dalam bidang sains sosial bagi memenuhi keperluan warga kampus terutama bagi Pusat Kemahiran Keusahawanan dan Komunikasi (PKKK). Academic Search Premier (ASP) menawarkan capaian kepada 4,000 judul jurnal teks penuh dalam bidang keusahawanan, perniagaan, komunikasi, pengurusan, kejuruteraan, psikologi dan banyak lagi. ASP kini dihubungkan melalui laman e-Resources perpustakaan. Akses ASP hari ini!

Knovel®




www.knovel.com

Akan Datang : Knovel Library

Knovel Library yang menawarkan akses kepada hampir 994 judul buku elektronik akan berada di UniMAP pada Jun 2007. Knovel mengandungi teks penuh buku elektronik dalam bidang aero angkasa, teknologi radar, biokimia, kejuruteraan seramik, kejuruteraan kimia, kejuruteraan sivil, bahan binaan, kejuruteraan elektrik, tenaga, alam sekitar dan banyak lagi.

Talian Maklumat

Perpustakaan UniMAP



Sebahagian buku daripada Koleksi Rujukan Kursus

Resolusi KMK Dan Penubuhan Koleksi Rujukan Kursus

Kepentingan menawarkan Koleksi Rujukan Kursus merupakan salah satu resolusi projek Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) Perpustakaan bagi tahun 2006. Koleksi Rujukan Kursus merupakan koleksi terbaru yang diwujudkan di Perpustakaan UniMAP. Bermula pada Disember 2006, buku-buku teks dan rujukan utama kursus kini diasingkan dan ditempatkan di Koleksi Rujukan Kursus. Strategi ini penting bagi memastikan jaminan akses kepada sumber oleh majoriti pelajar UniMAP. Tempoh pinjaman dihadkan kepada tujuh (7) hari sahaja berbanding pinjaman piawai iaitu empat belas (14) hari. Pengguna juga tidak dibenarkan memperbaharui pinjaman. Bagi menggalakkan peminjam mengembalikan bahan dengan kadar segera, kadar denda RM1 sehari untuk setiap naskhah dikuatkuasakan. Peraturan ini penting bagi memastikan bahan-bahan di dalam Koleksi Rujukan Kursus dapat dikongsi secara sama rata di kalangan pengguna yang memerlukan. Pencarian bahan dipermudahkan melalui modul *Reserve* yang dipautkan pada laman WebOPAC. Pengguna boleh memasukkan butiran kod kursus atau nama pengajar untuk memulakan pencarian. Selamat mencuba!

Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur


Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur telah berlangsung pada 27 April hingga 6 Mei 2007 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC). Pesta buku ini dikelolakan oleh Majlis Buku Kebangsaan Malaysia dan Kementerian Pelajaran Malaysia dengan kerjasama Persatuan Penerbit Buku Malaysia, Persatuan Kontraktor Buku Malaysia, Persatuan Pengeksport Buku Malaysia, Persatuan Penjual Buku Malaysia dan Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia. Sebagaimana tahun-tahun lalu, Ketua Pustakawan, Pustakawan Perolehan dan wakil perpustakaan telah mengunjungi pameran tersebut untuk membuat pemilihan buku. Sebanyak 183 syarikat mempamerkan bahan bacaan dan penerbitan dalam pesta buku tersebut. Julung kali juga, Penerbit UniMAP menyertai pameran ini dengan mempamerkan hasil terbitan Universiti.

Cetakan Rangkaian

Cetakan rangkaian kini beroperasi dengan perisian terkini berasaskan Windows XP. Kemudahan ini kembali beroperasi seperti biasa di Bilik CAI. Sebelum ini, kemudahan pencetak rangkaian ditempatkan di Kaunter Runding Maklumat untuk memudahkan urusan pemantauan aktiviti cetakan dan khidmat bantuan kepada para pengguna.

Laman Web Chameleon iPortal

Chameleon iPortal yang menawarkan akses kepada WebOPAC atau katalog atas talian perpustakaan kini berwajah baru. Laman tersebut diberi nilai tambah melalui proses penyatuan dengan beberapa segmen terpilih yang sebelumnya dimuatkan dalam laman web perpustakaan.



@Perpustakaan UniMAP